



PENGUMUMAN RASMI
BAHAGIAN HAB HALAL, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
PENARIKAN PENGIKTIRAFAN BADAN PENSIJILAN HALAL
NEGARA AUSTRALIA

Adalah dimaklumkan bahawa bahagian Hab Halal JAKIM, telah memutuskan untuk **MENARIK BALIK** pengiktirafan ke atas tiga (3) Badan Pensijilan Halal Luar Negara Yang Diiktiraf di negara Australia seperti berikut:

1. Adelaide Mosque Islamic Society of South Australia (Australia)
2. Al-Iman Islamic Society Inc. (Australia); dan
3. Islamic Co-ordinating Council of Victoria (Australia).

Penarikan balik pengiktirafan ini adalah **berkuatkuasa mulai 8 Februari 2018**. Sehubungan itu, tuan/puan dipohon mengambil maklum dan merujuk kepada senarai terkini Badan Pensijilan Halal Luar Negara Yang Diiktiraf oleh JAKIM melalui laman sesawang www.halal.gov.my.

Walaupun bagaimanapun, sijil dan logo halal bagi produk import yang telah mendapat pengesahan daripada badan pensijilan yang berkenaan masih sah dan diterima pakai sehingga tempoh yang ditetapkan mengikut kriteria berikut:

- i. Produk yang disahkan **sebelum atau pada 8 Februari 2018**, yang telah berada di Malaysia;
- ii. Produk yang disahkan **sebelum atau pada 8 Februari 2018**, yang dalam perjalanan ke Malaysia; dan

- iii. Produk yang masih dalam perjanjian untuk dieskport ke Malaysia tetapi pengiriman produk @ konsainan yang belum dihantar (termasuk produk yang belum dikilangkan), **adalah diterima dengan syarat-syarat** berikut :
- a) Produk berkenaan adalah termasuk dalam senarai pengesahan halal badan berkenaan yang masih dalam tempoh sahlaku sijil ;
 - b) Perjanjian dibuat sebelum **8 Februari 2018**;
 - c) Perjanjian masih sah (rujuk kepada tarikh tamat perjanjian dan tarikh tamat sijil);
 - d) Setiap produk@konsainan mestilah disertai dengan:
 - salinan sijil halal terbaru** daripada badan pensijilan baru yang diiktiraf oleh JAKIM; atau
 - surat-menyurat** di antara pengilang dan badan pensijilan baru yang diiktiraf (menunjukkan bahawa pengilang tersebut telah membuat permohonan dengan badan pensijilan yang baru) ; dan
 - e) Badan pensijilan tersebut perlu menghantar surat makluman kepada JAKIM yang menyatakan bahawa mereka dalam proses membuat pensijilan pada kilang berkenaan.

Perkara (i) hingga (iii) adalah diterima oleh pihak JAKIM sehingga tarikh tamat sijil, atau sijil daripada badan pensijilan yang baru dikeluarkan atau mana-mana yang terdahulu.

Bagi produk **sedia ada** di Malaysia yang masih terdapat logo halal badan yang telah ditarik balik pengiktirafannya pada pembungkusan produk, masih boleh diguna pakai sehingga stok berkenaan habis. Manakala bagi perjanjian baharu selepas **8 Februari 2018**, hanya sijil halal daripada Badan Pensijilan yang baharu sahaja akan diterima.

Bahagian Hab Halal

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Februari 2018